



# BANGUNAN SRI TAMAN, MEMORIAL TUN ABDUL RAZAK

Tahukah adik bahawa Bangunan Sri Taman ialah nama asal kediaman rasmi Perdana Menteri Malaysia yang kedua, Tun Abdul Razak Dato' Hussein? Bangunan ini kini dinamakan sebagai Memorial Tun Abdul Razak. Pada edisi kali ini, adik akan mengetahui tentang sejarah awal Bangunan Sri Taman yang menjadi kediaman rasmi Tun Abdul Razak dan keluarga dari tahun 1962 hingga tahun 1976.

Pada mulanya, Bangunan Sri Taman yang berkonsepkan gaya California dan yang siap dibina pada Oktober 1962 ini dikhaskan sebagai rumah Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu. Namun begitu, pada bulan Jun 1960, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, mencadangkan supaya tapak tersebut digunakan untuk membina sebuah rumah bagi Tun Abdul Razak Dato' Hussein yang merupakan Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu.

Berikutan arahan tersebut, satu mesyuarat yang dipengerusikan sendiri oleh Tun Abdul Razak diadakan pada 31 Oktober 1960. Antara yang hadir dalam mesyuarat tersebut termasuklah wakil dari Jabatan Perdana Menteri, Pejabat Perumahan Kerajaan dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Dalam mesyuarat ini, Tun Abdul Razak mencadangkan supaya tapak tersebut digunakan juga untuk membina sebuah rumah kelas "C" untuk seorang pegawai kerajaan.



Bangunan Sri Taman pada tahun 1982.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2009/0007270)



Dalam mesyuarat ini juga, beliau telah mengarahkan pihak JKR untuk menyediakan pelan baharu bagi rumahnya itu. Beliau menetapkan perbelanjaan pembinaan tidak melebihi \$150,000. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut tidak dapat dilaksanakan. Beliau kemudian bersetuju agar rumah tersebut dibina berdasarkan pelan asal yang disediakan oleh pihak JKR untuk Tunku Abdul Rahman yang memakan belanja sebanyak kira-kira \$250,000 dengan sedikit pindaan dan tambahan.

Keputusan untuk menggunakan pelan asal tersebut dipersetujui dalam mesyuarat yang diadakan di Pejabat Timbalan Perdana Menteri pada 10 Mac 1961. Hasil mesyuarat ini juga



Pemandangan bangunan yang menempatkan kafetaria dan kedai cenderamata di Memorial Tun Abdul Razak.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2009/0003671)



(Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2009/0007271)

bersetuju bahawa kos pembinaan tersebut hendaklah merangkumi kos perabot dan kelengkapan. Pihak JKR diarahkan supaya meneruskan kerja pembinaan dengan segera dan tender hendaklah ditawarkan pada bulan April.

Walaupun bagaimanapun, disebabkan beberapa masalah tertentu, pihak JKR hanya dapat membuat tawaran tender untuk kerja pembinaan rumah tersebut pada akhir Ogos 1961. Sebanyak 16 tender telah diterima dan syarikat pembinaan yang dipilih untuk membina bangunan tersebut ialah Hiap Guan Construction Company.

Pembinaan bangunan ini dimulakan pada Oktober 1961 dan memakan masa selama setahun. Sepanjang kerja pembinaan bangunan yang bersejarah ini dijalankan, Encik H.I. Ashley, Arkitek Kanan di JKR pada ketika itu bertanggungjawab untuk memastikan reka bentuk bangunan mengikut pelan yang dipersetujui.



## Corat-coret Negaraku

Bangunan ini diberi nama "Sri Taman" hasil daripada idea Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj setelah berbincang dengan Tun Abdul Razak. Bangunan ini ialah rumah jenis dua tingkat yang mempunyai ukuran kira-kira 35 meter x 25.6 meter dan keluasan kurang lebih 1857 meter persegi (20 ribu kaki persegi). Di tengah-tengahnya terdapat sebuah taman kecil dengan sebuah kolam kecil. Kemudian, pada tahun 1966, Tun Abdul Razak membina sebuah taman Jepun di kawasan taman itu.

Bangunan ini dilengkapi dengan sebuah anjung kereta yang didirikan dengan menggunakan enam batang tiang konkrit. Di tingkat bawah terdapat sebuah dewan sambutan, ruang tamu dan dewan makan yang luas bersebelahan dengan taman Jepun. Memorial Tun Abdul Razak ini dirasmikan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed pada 6 Mei 1982.

Jika adik ingin melihat sendiri keunikan bangunan ini, bolehlah adik berkunjung ke Memorial Tun Abdul Razak yang terletak di Jalan Perdana, Kuala Lumpur. Memorial ini dibuka kepada pelawat pada hari Selasa hingga Ahad, dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Memorial ini ditutup pada hari Isnin kecuali cuti umum atau cuti sekolah.



Ruang pameran yang memaparkan tongkat kegemaran Tun Abdul Razak.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2009/0003672)



Tun Abdul Razak dan keluarga di Bangunan Sri Taman pada 9 Mac 1967.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2001/0035472)



Pintu Utama Memorial Tun Abdul Razak di Jalan Perdana, Kuala Lumpur.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia, Koleksi Memorial Tun Abdul Razak)